

## **Aplikasi Dan Pelaksanaan Integrasi Ilmu Dalam Pendidikan Islam: Pengalaman Malaysia**

*Abmad Munawar Ismail<sup>1</sup>, Kamal Radiman<sup>2</sup>*

*Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia<sup>1</sup>,  
Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)<sup>2</sup>*

### **ABSTRAK**

Integrasi ilmu merujuk kepada kesepaduan antara ilmu wahyu dan ilmu akal. Pelaksanaan konsep integrasi ini memerlukan kerjasama semua peringkat, bermula daripada penuntut ilmu, tenaga pengajar, pembuat dasar dan masyarakat. Dalam hal ini, kerajaan Malaysia telah mengambil banyak inisiatif untuk merealisasikan pelaksanaan sistem ini di pelbagai peringkat melalui penubuhan institusi-institusi pendidikan seperti Sekolah Rendah Agama Integrasi JAIS, Maahad Tahfiz Sains; Majlis Amanah Rakyat Malaysia melalui penubuhan Maktab Rendah Sains Mara Ulul Albab, Universiti Islam Antarabangsa dan lain-lain. Justeru, artikel ini bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai sejauh manakah sistem ini telah dilaksanakan di Malaysia dan apakah cabaran-cabaran yang telah dihadapi dalam usaha merealisasikan idea dua tokoh besar pendidikan Islam Ismail Raji al-Faruqi dan Syed Mohd Naquib al-Attas. Akhir artikel ini dilampirkan kerangka dasar kandungan kurikulum pendidikan integrasi yang telah dibangunkan menggunakan teknik Delphi, iaitu sebahagian daripada usaha menambah baik pelaksanaan sistem pendidikan integrasi di Malaysia.

## **Application And Integration Of Knowledge In Islamic Education: Experience Of Malaysia**

### **ABSTRACT**

Integration refers to the integration of knowledge between wahy and the science of the al-Aql. The implementation of the concept of integration requires cooperation at all levels, ranging from students, teachers, policy makers and society. In this regard, the Malaysian government has taken many initiatives to realize the implementation of this system at various levels through the establishment of educational institutions such as Integrated Religious Primary School JAIS, Tahfiz Institution of Science; Majlis Amanah Rakyat Malaysia (MARA) through the establishment of Maktab Rendah Sains Mara Ulul Albab, International Islamic University (UIAM) and others. Thus, this article aims to inform the public about the extent to which this system was implemented in Malaysia and what challenges have been encountered in the realization of the idea of two great figures of Islam Ismail Raji al-Faruqi and Syed Mohd Naquib al-Attas. The end is attached to this article basic framework of integration education curriculum content was developed using Delphi, part of efforts to improve the implementation of integrated education system in Malaysia.

## PENGENALAN

Pendidikan adalah faktor penting dalam merealisasikan manifestasi ibadah kepada sikap *'ubudiyah* manusia. Ia mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam mempertahankan maruah Islam yang telah kita warisi semenjak zaman Rasulullah saw. Pendidikan yang baik mampu membawa manusia tunduk memperhambakan diri kepada perintah dan larangan Allah swt. Proses memartabatkan pendidikan menurut acuan Islam mesti bermula daripada kefahaman terhadap konsep ilmu yang menyeluruh berteraskan kekuatan akidah selari dengan firman Allah S.W.dalam surah al-'Alaq 96, ayat 1-5 yang bermaksud:

*Maksudnya:*

*"...Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah,dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya..."*

Justeru, untuk mencapai tujuan-tujuan yang disebutkan, maka tugas utama yang perlu dilaksanakan oleh umat Islam pada ketika ini adalah bersungguh-sungguh menyelesaikan masalah berkaitan pendidikan. Al-Faruqi (1982) dalam hal ini menegaskan,

*There can be no doubt that the intellectual and methodological decline of the ummah is the core of its 'malaise'. The educational system is the breeding ground of the disease. Schools and colleges generate and perpetuate that self-estrangement from Islam, from its legacy, and from its style. The educational system is the laboratory where Muslim youth are kneaded and cut, where their consciousness is molded into a caricature of the West. Here, the Muslim's link with his past is severed: his natural curiosity to learn the legacy of his fathers is stymied.*

## MANUSIA DAN FITRAH

Manusia telah disebut di dalam firman-firman Allah S.W.T sebagai makhluk yang diciptakan serta memiliki fitrah yang tersendiri. Fitrah bermaksud elemen positif semula jadi manusia. Satu keupayaan yang boleh membawa manusia kepada sifat dan sikap tunduk dan patuh kepada syariat Allah swt. Namun demikian, keupayaan ini secara umum bukan suatu yang bersifat terpelihara dan konsisten, malah ia terdedah kepada keterbatasan fizikal, kelemahan berfikir, kealpaan dan kekurangan-kekurangan lain yang sesuai dengan kedudukannya sebagai makhluk yang dicipta (Ahmad Munawar 2015).

Dalam konteks ini, satu aliran pendidikan yang selaras dan sesuai dengan fitrah tersebut perlu dibentuk sebagai garis panduan untuk memahami dan menekuni syariat Allah S.W.T bagi mengatasi kelemahan dan kekurangan yang dimaksudkan. Aliran pendidikan seperti ini penting dalam melahirkan manusia yang seimbang daripada semua potensi yang ada dalam dirinya. Pendidikan aliran ini secara umumnya, mesti menyentuh tiga aspek utama iaitu ontologi, iaitu menyedari hakikat diri; epistemologi, iaitu menyedari kesejahteraan melalui kebenaran ilahi; dan aksiologi, iaitu keupayaan mengenal sistem nilai baik dan nilai buruk. Ketiga-tiga aspek ini perlu diterapkan dalam pendidikan manusia secara berterusan dan tersusun bermula daripada pembentukan tempo pendidikan yang terarah kepada pembentukan manusia *rabbani* atau yang menghayati konsep *rabbaniyyah*. Pendidikan seperti ini pada hari ini disebut sebagai pendidikan integrasi (al-Ghazali 2005; Ahmad 2001).

## **ISLAMISASI ATAU INTEGRASI**

Pendidikan integrasi adalah ilham daripada sebuah gagasan besar yang distruktur semula oleh Ismail Raji al-Faruqi di bawah terma Islamisasi. Islamisasi adalah suatu proses yang jitu ke arah membawa manusia memahami konsep rabbaniyah. Proses ini melibatkan dua bentuk pembebasan. Pertama, proses secara eksternal, iaitu suatu usaha untuk membebaskan manusia daripada fahaman-fahaman dan nilai-nilai jahiliah yang tradisi dan moden yang bertentangan dengan Islam. Kedua, proses secara internal, iaitu proses pembebasan jiwa manusia daripada tunduk kepada kehendak hawa nafsu.

Bagi merealisasikan proses Islamisasi selanjutnya, terdapat dua kaedah yang boleh dilaksanakan. Pertama, melakukan proses pemisahan elemen-elemen dan konsep-konsep penting yang menyumbang kepada pembentukan kebudayaan dan peradaban Barat. Kedua, memasukkan prinsip-prinsip asas Islam dan elemen-elemen penting Islam pada setiap sudut ilmu pengetahuan semasa yang relevan. Selain daripada itu, proses Islamisasi juga melibatkan empat komponen utama. Komponen-komponen yang terlibat adalah seperti berikut (al-Faruqi 1982: Ahmad 2001);

Koreksi, iaitu suatu tindakan untuk membetulkan fakta, konsep atau teori yang terdapat dalam ilmu moden;

Orientasi, iaitu memasukkan visi dan roh Islam ke dalam setiap bidang ilmu pengetahuan;

Rekonsiliasi, iaitu penyelarasan terhadap ilmu-ilmu moden dengan ilmu-ilmu agama dan;

Integrasi, iaitu tindakan untuk menyatupadukan ilmu moden dan ilmu agama berpaksikan Tauhid.

Berdasarkan beberapa pembahagian terhadap proses Islamisasi, salah satu komponen penting yang terlibat bagi menjayakan gagasan ini adalah proses integrasi ilmu. Dalam erti kata lain, proses Islamisasi ilmu dan proses integrasi ilmu adalah suatu yang menyumbang antara satu sama lain.

Dalam konteks pendidikan, integrasi adalah suatu sistem pendidikan seumur hidup yang menyepadukan antara ilmu wahyu dengan ilmu akal. Pendidikan ini merupakan pendidikan yang berasaskan Tauhid yang melibatkan pembangunan seluruh potensi manusia iaitu roh, akal dan jasad secara sepadu. Konsep pendidikan integrasi boleh diklasifikasikan kepada dua bahagian iaitu (Tajul Ariffin 2001; Noor Hisham 2012)

Kesepaduan dalaman, bermaksud kesepaduan antara pelbagai komponen dalam isi kandungan pendidikan Islam seperti akidah, syariah dan akhlak. Kesepaduan ini dapat bukan sahaja mampu membina kekuatan dalaman, malah dapat melahirkan kefahaman tasawwur Islam yang jelas. Ia juga mampu diaplikasi dalam bentuk amalan yang benar serta menghasilkan peribadi yang mulia.

Kesepaduan luaran pula bermaksud roh pendidikan Islam perlulah dihayati dan difahami secara sepadu ke dalam kurikulum mata pelajaran lain seperti Sains, Matematik, Sejarah, Bahasa Melayu dan lain-lain. Ia bermaksud keupayaan seseorang individu untuk meletakkan semua maklumat yang diperolehi dan ilmu yang dipelajari berlandaskan prinsip Tauhid. Keadaan ini membolehkan seseorang individu memahami sesuatu ilmu secara bersepadu tanpa memisahkan antara ilmu-ilmu agama dengan ilmu-ilmu moden.

## **APLIKASI DAN PELAKSANAAN**

Di Malaysia, pendidikan mempunyai tujuan yang khusus iaitu suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Daripada perspektif Islam, tujuan ini dilihat selari dengan proses Islamisasi dan integrasi ilmu sama ada aspek matlamat dan tujuannya, iaitu untuk menghasilkan individu yang seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek. Malah gagasan ini juga dilihat menambah baik sistem pendidikan sedia ada termasuk menghasilkan individu yang berupaya mengintegrasikan disiplin ilmu wahyu dan ilmu akal dalam pengajaran dan pembelajaran.

Satu dari aspek penting bagi menjayakan sistem pendidikan integrasi, adalah usaha memperbaiki aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Strateginya ialah memperkemas kurikulum iaitu dengan mewujudkan program yang berunsur keislaman yang berlandaskan al-Quran dan Sunnah. Dalam hal ini, guru-guru merupakan agen penting yang terlibat secara langsung dalam proses penyampaian ilmu pengetahuan. Bagi memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran, maka kandungan kurikulum yang sistematik perlu disediakan (Sidek 2009; Tajul Tajul Ariffin 1990).

## **ISU DAN CABARAN**

Banyak usaha yang telah dan sedang dilaksanakan dalam merencanakan falsafah gagasan Islamisasi dan integrasi ini. Antaranya sebagaimana yang telah dilaksanakan di negeri Selangor melalui penubuhan Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI), Maahad Tahfiz Sains; Majlis Amanah Rakyat Malaysia melalui Maktab Rendah Sains Mara Ulul Albab dan lain-lain lagi yang seumpama dengannya. Dalam hal ini, kerajaan-kerajaan negeri atau badan-badan yang terlibat secara dasarnya telah bersetuju untuk tidak membiarkan falsafah daripada gagasan Islamisasi ini hanya berlaku pada peringkat teori tanpa ada usaha mengimplementasinya bagi menzahirkan sebagai suatu bentuk yang realiti.

Di Selangor, pengalaman dalam melihat pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) menjadi panduan kepada pelaksanaan pendidikan integrasi di SRAI. Penyelarasan telah dibuat bagi membentuk kurikulum dan program-program bagi memenuhi aspirasi gagasan ini. Namun demikian, berdasarkan beberapa hasil kajian yang telah dilakukan, pelaksanaan sistem pendidikan integrasi di SRAI masih tertumpu pada aspek pentadbiran dan penjadualan waktu sekolah sahaja. Integrasi dalam konteks kurikulum masih belum berlaku sepenuhnya. Ini bermakna cabaran utama terhadap pelaksanaan pendidikan integrasi di SRAI adalah di pihak guru. Guru memainkan peranan yang penting bagi menyampaikan kandungan kurikulum secara berkesan. Bagi mencapai tujuan tersebut, maka penyediaan dan latihan perguruan yang tersusun perlu diberikan kepada para guru khususnya guru-guru yang terlibat dalam pelaksanaan sistem ini (Ahmad Munawar, Halim et. al. 2014).

Bagi mengatasi hal ini, satu latihan perguruan yang sistematik melibatkan kandungan kurikulum yang terancang perlu dibina. Suatu model kandungan kurikulum pendidikan integrasi diperlukan dalam usaha untuk memantapkan kefahaman guru terhadap pendidikan integrasi. Kefahaman guru terhadap konsep pendidikan ini penting dalam melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran integrasi. Pembinaan terhadap kandungan kurikulum pendidikan integrasi melibatkan beberapa proses.

Antara proses atau langkah yang terlibat adalah analisis keperluan. Analisis keperluan dan konteks ini melibatkan analisis keperluan terhadap konsep pendidikan integrasi. Pengalaman di negeri Selangor, proses ini mesti diadakan segera memandangkan masih belum terdapat sebuah reka bentuk kandungan pendidikan integrasi yang sesuai untuk latihan perguruan yang berasaskan penyelidikan dan didokumentasikan. Selain itu, langkah seterusnya yang terlibat dalam pembinaan kandungan kurikulum adalah penentuan terhadap objektif bagi sesebuah kurikulum. Dalam hal ini, penentuan objektif kandungan kurikulum mengambil kira konsep pendidikan menurut Islam yang merangkumi konsep manusia, konsep ilmu dan konsep pendidikan integrasi. Seterusnya, langkah yang terlibat dalam proses pembinaan kandungan kurikulum ini adalah penentuan terhadap isi kandungan. Penentuan bagi isi kandungan adalah berdasarkan kepada penentuan objektif kandungan kurikulum yang telah ditetapkan. Proses terakhir yang terlibat adalah kesahan kandungan yang melibatkan panel pakar. Proses ini bertujuan mendapat persetujuan dalam kalangan pakar bagi menentukan reka bentuk kandungan kurikulum yang telah dibina. Setelah persetujuan diperoleh daripada panel pakar, maka akan terhasil sebuah garis panduan yang bersifat kerangka dasar bagi kandungan kurikulum pendidikan integrasi (Ahmad Munawar, Halim et. al. 2014). Contoh kerangka dasar pendidikan integrasi yang dicadangkan adalah seperti berikut;

Jadual 5.1 Kerangka dasar kandungan kurikulum pendidikan integrasi

Objektif Kandungan Kurikulum:		
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menenal pasti fitrah kejadian dan peranan manusia.</li> <li>• Mengklasifikasikan konsep ilmu menurut perspektif Islam.</li> <li>• Menjelaskan konsep pendidikan integrasi menurut perspektif Islam.</li> </ul>		
Kandungan Kurikulum Pendidikan Integrasi		
A. Fitrah Kejadian dan Peranan Manusia		
Bil	Kategori	Sub-kategori
1	Penciptaan manusia	<p>a. Proses penciptaan manusia terdiri daripada unsur jasad dan unsur roh.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Unsur jasad (al-Hijr 15:28, al-Sad 38:71)</li> <li>• Unsur roh (al-Hijr 15:29, al-Sad 38:72)</li> </ul> <p>b. Manusia menurut Islam adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Makhhluk yang diciptakan               <ul style="list-style-type: none"> <li>&gt; Mempunyai fitrah. Fitrah dapat membawa manusia kepada kebaikan iaitu mampu membezakan antara perkara baik dengan perkara buruk (al-Rum 30:30)</li> <li>&gt; Mempunyai kelemahan kerana keterbatasan fizikal dan akal (al-Nisa' 4:48)</li> <li>&gt; Sanggup menerima amanah daripada Allah untuk mentadbir bumi (al-Ahzab 33:72)</li> </ul> </li> <li>- Makhhluk yang dimuliakan               <ul style="list-style-type: none"> <li>&gt; Ditiupkan roh (al-Sajdah 32:9)</li> <li>&gt; Memiliki keistimewaan (al-Isra' 17:70)</li> <li>&gt; Semua alam ini termasuk dengan isinya diperuntukkan oleh Allah untuk manusia (al-Jathiyah 45:12-13)</li> </ul> </li> <li>- Diberi kebebasan untuk memilih               <ul style="list-style-type: none"> <li>&gt; Manusia diberi kebebasan untuk memilih sama ada ingin beriman atau kufur kepada Allah (al-Kahfi 18:29)</li> </ul> </li> <li>- Mendapat balasan atas setiap sesuatu yang dilakukan.               <ul style="list-style-type: none"> <li>&gt; Allah menyediakan syurga bagi mereka yang beriman dan beramal soleh (al-Sajdah 32:19, al-Hajj 22:14)</li> <li>&gt; Neraka disediakan oleh Allah bagi mereka yang ingkar terhadap segala larangan-Nya (al-Sajdah 32:20)</li> </ul> </li> </ul>

2	Tujuan penciptaan manusia	<p>a. Manusia diciptakan tanpa sia-sia dan manusia akan kembali kepada Allah (al-Mu'minun 23:115)</p> <p>b. Manusia sebagai hamba Allah (al-Dharyat 51:56)</p> <p>c. Manusia sebagai khalifah di muka bumi (al-Baqarah 2:30)</p>
3	Dimensi hubungan manusia	<p>a. Hubungan manusia dengan Allah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tanggungjawab manusia dalam menjalankan amanah yang diberikan (al-Ahzab 33:72)</li> <li>• Guru menepati masa yang ditetapkan untuk proses pengajaran dan pembelajaran.</li> <li>• Mengabdikan diri seluruhnya hanya kepada Allah (al-A'raf 7:172)</li> <li>• Guru sentiasa ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam mendidik murid-murid.</li> </ul> <p>b. Hubungan manusia dengan manusia</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bermuamalah sesama manusia dalam segala aspek kehidupan berlandaskan syariat Allah (Ali 'Imran 3:112)</li> <li>• Guru dengan murid – sentiasa memberi semangat dan menghormati pandangan murid.</li> <li>• Guru dengan guru – saling menghormati dan berkongsi ilmu.</li> <li>• Guru dengan kakitangan sekolah – saling membantu dan menghormati antara satu sama lain.</li> <li>• Guru dengan masyarakat – membina hubungan baik dengan ibu bapa murid.</li> </ul> <p>c. Hubungan manusia dengan alam sekitar</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memelihara kesejahteraan alam sekitar (al-Rahman 55:6-9, al-A'raf 7:10, al-Rum 30:41)</li> <li>• Haiwan – mengasihi haiwan (memberi makan dan tidak menzalimi).</li> <li>• Tumbuhan – sentiasa memelihara dan memulihara.</li> <li>• Binaan – sentiasa menjaga kebersihan dan menggunakannya dengan sebaiknya.</li> </ul>
4	Peranan dan tanggungjawab manusia	<p>a. Menegakkan kebaikan dan mencegah kemungkaran (Ali 'Imran 3:104)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengabdikan diri kepada Allah menerusi beriman kepada Allah dan melakukan amal soleh dalam bentuk yang sempurna.</li> <li>• Menjaga agama dengan menegakkan Islam dan melaksanakan Islam.</li> <li>• Bertanggungjawab menjauhkan dan memelihara diri dan keluarga daripada perbuatan yang dibalas dengan azab neraka (al-Tahrim 66:6)</li> </ul> <p>b. Manusia perlu menuntut ilmu bagi memenuhi tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah (al-Zumar 39:9, Fatir 35:28, al-Mujadalah 58:11)</p>

B. Konsep Ilmu menurut Perspektif Islam		
Bil	Kategori	Sub-kategori
1	Definisi ilmu	<p>a. Hakikat semua benda (al-Ghazali)</p> <p>b. Sesuatu yang dapat dipelajari oleh manusia sama ada menggunakan akal fikiran, pancaindera, pengalaman-pengalaman, mahupun pertolongan wahyu Ilahi (Ibn Khaldun)</p> <p>c. Ketibaan sesuatu makna ke dalam jiwa seseorang hasil daripada maklumat atau ketibaan oleh hati tentang makna sesuatu (Syed Muhammad Naquib al-Attas)</p>
2	Tujuan ilmu	<p>a. Menenal pencipta melalui ayat-ayat-Nya (al-Jum'ah 62:2)</p> <p>b. Menghubungkan ilmu dengan Allah</p> <p>c. Mencapai kebenaran bagi sesuatu perkara</p> <p>d. Mengamalkan sesuatu berasaskan ilmu</p> <p>e. Membentuk kerohanian seseorang Muslim</p>
3	Sumber ilmu	<p>a. Wahyu</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• al-Quran (al-Hijr 15:9)</li> <li>• al-Hadith (al-Harsy 59:7)</li> </ul> <p>b. Akal – kelebihan akal adalah melihat dan menilai kebesaran Allah S.W.T. Namun demikian, akal adalah terbatas dan tidak bersifat mutlak (Ali 'Imran 3:190-191)</p> <p>c. Indera – pengalaman pancaindera atau deria</p> <p>d. Intuisi – ilmu yang diperoleh melalui penghayatan secara langsung</p>
4	Klasifikasi ilmu	<p>a. Ilmu fardu ain (ilmu wahyu/<i>ilmu naqliyyah</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap individu Muslim seperti ilmu akidah, syariah dan akhlak (al-Ghazali)</li> <li>• Ilmu yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadith (Ibn Khaldun)</li> </ul> <p>b. Ilmu fardu kifayah (ilmu akal/<i>ilmu aqliyyah</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ilmu yang diperoleh melalui akal manusia yang berkaitan dengan urusan keduniaan dan hanya wajib dipelajari oleh segolongan manusia. Ilmu ini merupakan satu keperluan bagi menjamin kelangsungan hidup manusia. Contohnya ilmu kemasyarakatan, ekonomi, pentadbiran, dan lain-lain (al-Ghazali)</li> <li>• Ilmu yang terhasil daripada pemikiran manusia yang berhubung dengan kemajuan dan peradaban manusia. Contohnya ilmu sains, pembelajaran dan lain-lain (Ibn Khaldun)</li> </ul>
5	Hubungan antara ilmu fardu ain dengan ilmu fardu ain	<p>a. Membentuk individu Muslim yang memiliki ilmu yang bersepadu (holistik)</p> <p>b. Memberi suntikan keimanan dalam setiap penemuan dan penyelidikan</p> <p>c. Menjadikan kehidupan manusia lebih baik dan terancang</p> <p>d. Menjamin kelangsungan ibadah mengikut syariat Islam</p> <p>e. Mewujudkan hubungan yang seimbang antara manusia dengan Allah, hubungan sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam sekitar</p>

C. Konsep Pendidikan Integrasi menurut Perspektif Islam		
Bil	Kategori	Sub-kategori
1	Definisi pendidikan integrasi	<p>a. Pendidikan yang berteraskan ilmu wahyu yang disepadukan dengan ilmu disiplin ilmu akal (Tajul Ariffin)</p> <p>b. Pendidikan yang berasaskan kesepaduan antara iman dengan ilmu, jasad dengan roh, fikiran dengan hati serta akal dengan wahyu (Mohd Kamal Hasan)</p> <p>c. Kesepaduan antara pendidikan fardu ain dengan fardu kifayah bagi melahirkan umat yang bertakwa, berakhlak dan beretika (Uthman El-Muhammady)</p> <p>d. Pendidikan yang menyepadukan antara ilmu mengurus diri dengan (fardu ain) dengan ilmu mengurus sistem (fardu kifayah) (Sidek Baba)</p>
2	Ciri-ciri pendidikan integrasi	<p>a. Wahyu (al-Quran dan al-Hadith) sebagai teras atau sumber ilmu. Ilmu yang diperoleh daripada al-Quran dan al-Hadith adalah ilmu yang benar.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses kejadian manusia (al-Insan 76:2, al-Mu'minun 23:14)</li> <li>• Kejadian siang dan malam (Ali 'Imran 3:190)</li> </ul> <p>b. Akal – digunakan untuk menilai sesuatu ilmu yang diperoleh berlandaskan wahyu.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghadap kiblat bukanlah bermaksud menyembah Kaabah. Ia adalah sebagai simbol keseragaman ibadah walau di mana jua umat Islam berada (al-Baqarah 2:115)</li> <li>• Manusia tidak boleh melihat Allah kerana Allah memiliki sifat yang berbeza daripada makhluk ( al-An'am 6:103)</li> </ul>
3	Matlamat pendidikan integrasi	<p>a. Rohani – melahirkan insan yang memiliki rohani yang suci mengikut syariat Allah (al-Zumar 39:9)</p> <p>b. Intelektual – membentuk akal yang sihat (al-Nahl 16:11)</p> <p>c. Emosi – mewujudkan emosi yang seimbang dalam diri insan (Ali 'Imran 3:186)</p> <p>d. Jasmani – membentuk kesejahteraan jasmani (al-Qasas 28:26)</p> <p>e. Sosialisasi/interaksi – mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian</p>

## PENUTUP

Sesungguhnya gagasan islamisasi ilmu ini adalah suatu idea besar yang datang dari seorang tokoh yang luar biasa. Di Malaysia, teori-teori yang berkaitan dengannya bukan sahaja telah dikembangkan oleh tokoh-tokoh hebat seperti Syed Muhammad naquib al-Attas malah pernah cuba diimplementasikan melalui kurikulum bersepadu kebangsaan. Namun, di mana silapnya tidak dapat dipastikan apabila kesan dan hasrat daripada gagasan besar ini masih belum dapat dilihat secara jelas pada mana-mana peringkat dan jurusan. Justeru, kajian-kajian sebagaimana pembangunan garis panduan bagi mengaitkan gagasan ini dengan pendidikan adalah penting bagi mewujudkan satu perubahan yang lebih baik terhadap pelaksanaan pendidikan integrasi di mana-mana peringkat dan institusi pendidikan.



## RUJUKAN

- Abdul Halim Muhammady. 1995. Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam* 7(2): 155-164
- Abdul Halim Ramli. 2007. *Memahami Islamisasi ilmu dari pemikiran Prof. Ismail Ragi al-Faruqi*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti, Universiti Teknologi Mara.
- Abdul Hamid A. AbuSulayman. 1993. *Crisis in the Muslim mind*. Terj. Yusuf Talal DeLorenzo. Virginia: International Institute of Islamic Thought.
- Ahmad Mohd Said. 1999. Islamisasi pendidikan: Peranan pendidik. *Jurnal Pendidikan Islam* 8 (4): 21-30.
- Ahmad Mohd Said. 2001. Konsep pelaksanaan pendidikan bersepadu: Kurikulum dan latihan guru. *Jurnal Pendidikan Islam* 9 (3): 9-16.
- Ahmad Munawar Ismail. 2015. *Pemikiran Akidah Islam*. Penerbit FPI UKM: Bangi.
- Ahmad Munawar Ismail, Ab Halim Tamuri, Mohd Nor Shahizan Ali, Mohd Kamal Radiman, Mohamad Amir Danuri, Solekhan Roup. 2014. *Pembinaan Kandungan Kurikulum Pendidikan Integrasi Untuk Latihan Perguruan Guru-Guru Sekolah Rendah Agama Integrasi (Srai)*, Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) Laporan Akhir Penyelidikan KOMUNITI-2012-014.
- al-Alwani, Taha Jabir. 1995. *Islamization of knowledge: Yesterday and today*. Terj. Yusuf Talal DeLorenzo. Virginia: International Institute of Islamic Thought.
- al-Faruqi, Ismail Raji. 1982. *Islamization of knowledge: General principles and workplan*. International Institute of Islamic Thought.
- al-Faruqi, Ismail Raji. 1982. *Al-Tawhid: Its implications for thought and life*. Virginia: International Institute of Islamic Thought.
- al-Faruqi, Ismail Raji. 1991. *Pengislaman ilmu*. Terj. Mustafa Kasim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarudin Abu Hassan. 2006. Pendekatan penerapan nilai Islam bersepadu dalam model reka bentuk perisian multimedia pendidikan subjek Geografi tingkatan enam. Tesis PhD, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 2005. *Ihya' ulumuddin*. Terj. Ipoh: Buku Buku.
- Kamarudin Kachar. 1989. *Strategi penerapan nilai-nilai Islam di institusi pendidikan*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Maria Mansur. 2012. Islamisasi ilmu pengetahuan antara harapan dan realiti dalam konteks pendidikan di Malaysia. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam. Anjuran IPG Kampus Pendidikan Islam & IPG Kampus Zon Tengah, Seremban, Negeri Sembilan, 3-6 Julai.
- Mohd Aliff Mohd Nawi & Surina Akmal Ab Sattai. 2012. Integrasi ilmu dalam sistem pendidikan: Pandangan Prof. Dr. Sidek Baba. *Proceeding 3rd International Conference of Asean Studies on Integrated Education in Islamic Studies and Civilization*, hlm. 415-421.
- Mohd Kamal Radiman. 2012. Integrasi dan pendidikan Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI). Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nasir Omar. 2005. *Gagasan Islamisasi ilmu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nabi Ahmed Baloch. 1980. Reconstruction of teacher education in islamic society. Dlm. *Curriculum and teacher education*. Muhammad Hamid al-Afendi & Nabi Ahmed Baloch (pnyt). Jeddah: Hodder and Stoughton.
- Tajul Ariffin Noordin. 1990. Pendidikan: Suatu pemikiran semula. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.